



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MAKLUMAN PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN
MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL**

1. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengingatkan orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk kosmetik berikut kerana dikesan mengandungi racun berjadual seperti di bawah:

Bil.	Nama Produk	Racun Berjadual Yang Dikesan
1.	Luxe Lily Beauty Peeling Oil	Hydroquinone

2. Susulan daripada itu, notifikasi produk kosmetik terlibat telah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

Perihal Bahan Racun Berjadual

3. Produk yang mengandungi **hydroquinone** ialah ubat yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan hanya boleh digunakan dengan nasihat ahli profesional kesihatan.

4. Penggunaan produk mengandungi **Hydroquinone** di atas **tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan** boleh menyebabkan kesan mudarat seperti kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, perubahan warna kulit yang tidak diingini, kulit menjadi hipersensitif, menghalang proses pigmentasi (depigmentasi) yang mengurangkan perlindungan kulit daripada pancaran sinar UV merbahaya dan boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Peringatan Kepada Penjual Dan Pengekar Produk Kosmetik Ini

5. Penjual dan pengekar produk kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan penganjuran produk kosmetik tersebut dengan serta-merta. **Penjualan dan penganjuran** produk kosmetik ini adalah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

6. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

Peringatan Kepada Orang Awam

7. Orang awam yang sedang menggunakan produk kosmetik ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan sampingan.

8. Orang awam juga digalakkan untuk menyemak status notifikasi produk kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA www.npra.gov.my atau melalui aplikasi 'NPRA Product Status' yang boleh dimuat turun daripada *Google Play Store*.

Sekian.

NORHALIZA BINTI A HALIM
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

LAMPIRAN

Nama Produk: 1. Luxe Lily Beauty Peeling Oil

